

## **BANK ISLAM LANCAR PERKHIDMATAN PENULISAN WASIAT PATUH SYARIAH MELALUI BIMB MOBILE**

*Penyelesaian pertama yang memudahkan perancangan harta melalui perbankan mudah alih*

**KUALA LUMPUR, Rabu, [8 April 2026]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank), dengan kerjasama Amanah Warisan Berhad (AWARIS), hari ini melancarkan perkhidmatan penulisan wasiat AWARIS melalui aplikasi BIMB Mobile, menjadikannya bank pertama di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan penulisan wasiat melalui aplikasi perbankan mudah alih.

Inisiatif ini menandakan satu langkah penting dalam misi Bank untuk memodenkan perkhidmatan pengurusan kekayaan dengan mengintegrasikan perkhidmatan nasihat dan perancangan legasi ke dalam platform digital. Fungsi baharu penulisan wasiat ini disepadukan secara langsung dalam aplikasi perbankan mudah alih BIMB Mobile, selaras dengan piawaian keselamatan data dan tadbir urus Syariah ketat Bank Islam.

Pengarah Pengurusan Kekayaan Bank Islam, Datin Zaharah Abdul Muttalib, berkata pelancaran ini mencerminkan komitmen berterusan Bank dalam meningkatkan akses dan kemudahan pelanggan untuk menikmati penyelesaian kewangan patuh Syariah.

Melalui pelancaran ini, Bank Islam menyasarkan untuk menggalakkan penggunaan dan penerimaan kemudahan digital dalam aspek perancangan harta, meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan penulisan wasiat, serta mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju dalam penyelesaian pengurusan kekayaan digital patuh Syariah.

"Perkhidmatan Penulisan Wasiat AWARIS merupakan komponen penting dalam strategi kami untuk memperluas penawaran pengurusan kekayaan Islam menyeluruh. Integrasi penyelesaian ini dalam BIMB Mobile membolehkan pelanggan mengurus kewangan dan perancangan legasi mereka dengan mudah, pada bila-bila masa dan di mana sahaja," katanya.

Diperkenalkan semasa Hari Penghargaan Pelanggan Kekayaan Bank Islam, pelancaran ini turut memberi peluang untuk berinteraksi dengan pelanggan bernilai tinggi serta mempamerkan inovasi berterusan Bank dalam perkhidmatan digital dan perancangan harta.

Zaharah menambah bahawa Bank Islam akan terus memperkukuh kerjasama strategik dengan AWARIS bagi menyediakan penyelesaian perancangan harta yang komprehensif dan patuh Syariah.

“Kami percaya gabungan kepakaran dan sinergi kukuh antara kedua-dua pihak akan terus meningkatkan portfolio pengurusan kekayaan kami serta menyampaikan nilai yang lebih besar kepada pelanggan. Seiring dengan usaha memperluas penggunaan penyelesaian digital patuh Syariah, kami akan terus mencari peluang dan meneroka potensi pasaran baharu bagi menyokong kesejahteraan serta memperkasakan komuniti melalui penyelesaian kewangan yang inklusif, mudah diakses dan selamat,” katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan AWARIS, Prof. Dato’ Ahmad Saruji Abdul Aziz berkata, integrasi keupayaan penulisan wasiat AWARIS ke dalam platform BIMB Mobile merupakan satu langkah transformasi dalam landskap perancangan harta digital di Malaysia.

“Kerjasama kami dengan Bank Islam didorong oleh visi bersama untuk menjadikan perancangan legasi patuh Syariah lebih mudah diakses dan intuitif. Dengan membawa perkhidmatan penting ini ke dalam persekitaran digital, kami memperkasakan individu untuk Perancangan dan pengagihan harta secara bertanggungjawab adalah tonggak penting kesejahteraan kewangan yang menyeluruh. Kerjasama ini mengukuhkan komitmen kami terhadap inovasi dan inklusiviti kewangan, memastikan setiap pelanggan Bank Islam mempunyai alat yang diperlukan untuk mengurus wasiat mereka dengan tenang. Kami berbesar hati menjadi sebahagian daripada pelancaran bersejarah ini dan berharap dapat memupuk budaya perancangan harta yang lebih proaktif melalui pengalaman digital yang lancar,” kata beliau.

Mulai 8 April 2026, perkhidmatan Penulisan Wasiat AWARIS boleh diakses oleh semua pelanggan Bank Islam melalui bahagian *Service Hub* dalam aplikasi BIMB Mobile. Direka untuk memudahkan urusan dan pematuhan piawaian, platform ini membolehkan pelanggan menyediakan wasiat mereka dengan selamat.

Bagi menggalakkan penggunaan, Bank Islam menawarkan harga promosi khas sebanyak RM300 untuk Pelan Platinum, eksklusif melalui BIMB Mobile. 250 pelanggan pertama yang melengkapkan permohonan juga akan menerima baucar Touch 'n Go eWallet bernilai RM40.

Maklumat lanjut boleh didapati melalui senarai Soalan Lazim atau FAQ BIMB Mobile di [bimb.com](https://bimb.com) (<https://bimb.com/faq/>) atau melalui bahagian *Support Centre* dalam aplikasi perbankan berkenaan untuk panduan tambahan.

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 130 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.

**Mengenai Amanah Warisan Berhad**

Ditubuhkan pada 28 November 2018, Amanah Warisan Berhad (AWARIS) merupakan sebuah syarikat pemegang amanah terkemuka yang dikawal selia di bawah Akta Pemegang Amanah 1949. Berpegang kepada standard tertinggi tadbir urus dan ketelusan, AWARIS dikawal selia oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Bank Negara Malaysia (BNM). Sebagai ahli Persatuan Syarikat Amanah Malaysia (ATCM), AWARIS memastikan setiap transaksi dan keputusan fidusiari mematuhi penanda aras industri yang ketat. AWARIS mengkhusus dalam perkhidmatan perancangan dan pentadbiran harta pusaka yang komprehensif untuk individu, termasuk penulisan wasiat patuh Syariah, Hibah dan perkhidmatan amanah. Dengan memanfaatkan teknologi melalui portal proprietari "AWARIS4U", syarikat ini menyediakan penyelesaian digital yang lancar, membolehkan pelanggan mengurus dan meminda dokumen legasi mereka dengan mudah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.awarisgroup.com](http://www.awarisgroup.com) atau e-mel kepada: [admin@awarisgroup.com](mailto:admin@awarisgroup.com).